

NABI MUHAMMAD SAW diperintahkan oleh ALLAH SWT untuk memberitahu manusia bahawa sesiapa yang sesat dan menyimpang daripada prinsip-prinsip syariat yang telah ditetapkan-NYA, maka kemungkaran dan kesesatan itu akan menimpa diri mereka.

Firman Allah SWT dalam Surah Yunus ayat 108: "Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai sekalian manusia! Telah datang kepada kamu kebenaran (al-Quran) daripada Tuhan kamu. Oleh itu, sesiapa yang mendapat hidayah petunjuk (beriman kepada-Nya), maka hidayah itu berguna untuk dirinya sendiri. Sesiapa yang sesat (mengingkarinya) maka bahaya kesesatannya itu mencelakakan dirinya sendiri. Aku pula bukanlah menjadi penjaga terhadap (amalan) kamu."

Antara yang tergolong mengingkari ALLAH SWT pada hari ini adalah tindakan individu atau kumpulan yang berpegang kepada aliran pemikiran yang hanya tertumpu kepada penjaan akal, logik dan buah fikiran bersifat eksperimental tanpa disatukan dengan teras Islam iaitu akidah, fiqh dan tasawuf

Tindakan yang berlandaskan hukum

akal semata-mata ditolak oleh Islam. Sesungguhnya, Islam tertakluk dengan implimentasi dan gabungan akal (*akliyah*) dengan wahyu (*naqliyah*).

Akal dengan segala hujahannya adalah lemah dan tertolak dengan apa yang ditetapkan oleh dalil-dalil *naqliyah* (al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan qiyas) secara mutlak jika ia tidak menepati kehendak nas atau bercanggah dengannya.

Ketahuilah, Islam tidak pernah memisahkan antara dunia dengan akhirat atau antara sains dengan agama. Semuanya saling menguatkan antara satu sama lain.

Pemikiran sesat

Perlu dijelaskan, fahaman sekular adalah aliran pemikiran yang melahirkan fahaman humanisme (yang mengutamakan nilai-nilai, kepentingan, maruah manusia dan tidak mementingkan nilai-nilai lain), modenisme (segala yang baharu adalah dianggap lebih baik), empirisme (teori atau pengetahuan yang berdasarkan pancaindera sahaja yang dianggap wujud), feminisme (gerakan atau fahaman yang menuntut persamaan hak wanita dengan kaum lelaki) dan relativisme (tiada nilai mutlak bagi menghukum sesuatu

UMAT Islam perlu jauhi fahaman yang menyimpang daripada landasan Islam.
-Gambar hiasan



PREMIS UNTUK DISEWA DI KAWASAN PUNCAK ALAM



PUNCAK BESTARI

- ✓ 200 meter ke Mr DIY
- ✓ 200 meter ke Pusat Pergigian Bestari
- ✓ 200 meter ke Mamak Signature
- ✓ 200 meter ke Bank Muamalat Puncak Alam
- ✓ 200 meter ke Marrybrown Puncak Alam
- ✓ 200 meter ke Print Expert Puncak Bestari
- ✓ 300 meter ke Tesco Puncak Alam
- ✓ 500 meter ke Pusat Proton Puncak Alam
- ✓ 500 meter ke Masjid Puncak Alam
- ✓ 700 meter ke Taman Tasik Puncak Bestari
- ✓ 1.5 km ke Klinik Desa Puncak Alam
- ✓ 1.8 km ke Sekolah Agama Puncak Alam 2
- ✓ 1.8 km ke Sekolah Kebangsaan Puncak Alam 2

KELUASAN & SEWAAN

No. 18-G/ kedai / 1,320 kps/
RM3,000.00 sebulan

No. 18-1/ pejabat tingkat 1/ 1,440 kps/
RM1,000.00 sebulan

6019 2640631, 6019 2302040
03-55143400 sambungan 2187

INFO: <https://www.mais.gov.my/sewaan/>



Fahaman sesat musnahkan akidah

Umat Islam perlu tolak prinsip yang bercanggah dengan agama

perbuatan). Semua ini merupakan pemikiran yang membawa kepada kesesatan yang nyata.

Sekularisme adalah kesesatan lahir dari dunia Barat dalam mengamalkan agama mereka sendiri. Ia menular dalam pemikiran umat Islam hari ini dalam pelbagai aspek kehidupan. Sekularisme merujuk kepada sifat keduniaan yang memisahkan langsung alam rohani atau akhirat. Ia juga boleh difahami sebagai suatu pemikiran yang memisahkan roh dan jasad.

Satu lagi fahaman besar yang sesat adalah fahaman liberalisme. Liberalisme adalah aliran pemikiran yang bertujuan meningkatkan batas kebebasan yang diberikan kepada individu tanpa sekatan atau dengan sekatan paling sedikit dalam perkara-perkara berkaitan ekonomi, politik, perundangan dan sosial (kebebasan moral).

Liberalisme mempunyai gagasan pemikiran bahawa individu lebih penting daripada masyarakat, masyarakat wujud untuk individu dan individu bebas daripada nilai-nilai agama.

Aliran liberal juga mempunyai hubungan rapat dengan kelahiran negara demokrasi Eropah yang melaungkan cogan kata 'Kebebasan, Persaudaraan dan Persamaan'.

Seperkara lagi, sekularisme dan liberalisme saling berkaitan antara satu sama lain. Sekularisme menyebabkan lahirnya liberalisme dalam hal negara, politik, ekonomi dan nilai etika.

Fakta-fakta yang ada memberi banyak bukti bahawa kebebasan cara berfikir sesat ini tidak menjamin kedamaian dan kebahagiaan dalam masyarakat.

Kebebasan yang berlebihan kepada individu tertentu pada masa yang sama menyekat kebebasan individu lain dan menghancurkan kedamaian dan



Setiap Muslim hendaklah meningkatkan ilmu pengetahuan dalam mengenal ALLAH SWT seperti pengetahuan berkaitan ilmu akidah, fiqh dan tasawuf."

kebahagian dalam masyarakat.

Fahaman liberal atau liberalisme itu sendiri kini telah menjadi alat untuk memusnahkan insan, nilai manusiawi dan nilai-nilai baik agama-agama.

Kelompok liberalis berjuang bagi menghapuskan halangan-halangan tabii antara lelaki dengan wanita seperti rasa malu. Bagi golongan itu, sifat malu adalah satu sifat yang negatif, tidak baik dan warisan manusia purba.

Justeru, marilah kita memahami bahawa hari ini kita sedang dibelenggu oleh cara berfikir yang bercanggah dengan Islam. Dalam apa pun juga, kita boleh melihat bahawa tindakan, suara dan pendapat mereka sering berlegar dalam isu-isu cabang yang menuju ke arah pola

pemikiran dan perjuangan yang sama.

Umat Islam amat dilarang mengikut cara berfikir golongan sesat itu dan hendaklah kita menolaknya secara total.

Firman ALLAH SWT: "Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-KU (agama Islam) yang lurus, maka hendaklah kamu menurutnya dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain daripada Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) memisahkan kamu dari jalan ALLAH. Itulah diperintahkan oleh ALLAH kepada kamu, mudah-mudahan kamu bertakwa." (Surah al-An'am, ayat 153)

Sesungguhnya, penolakan terhadap pemikiran yang bertentangan dengan Islam perlu dibuat dengan kaedah tidak meredai cara fikir, perbuatan dan program anjuran mereka.

Individu Muslim tidak boleh menyokong apatah lagi mengambil bahagian dalam mendukung kumpulan itu.

Pada masa sama, kita hendaklah meningkatkan ilmu pengetahuan dalam mengenal ALLAH SWT, pengetahuan berkaitan ilmu akidah, fiqh dan tasawuf yang merupakan ilmu fardu ain kepada kita untuk mendalaminya.

Demi memastikan Islam dan syariatnya menjadi perisai dalam gelodak pelbagai pemikiran sesat hari ini, umat Islam perlu mempertingkatkan kesabaran dan keimanan kepada ALLAH SWT dengan sentiasa bersyukur dan bertawajuh kepada-NYA.

Umat Islam juga tidak boleh hanya menyalahkan, menghina dan mencera pihak-pihak tertentu. Sebaliknya, perlu berhadapan dengan segala cabaran dengan kefahaman sebenar tentang agama Islam.

Sumber: Majlis Agama Islam Selangor



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



MAISgovmy